

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran di-Perjumpaan Ahli2 Persatuan Ibu-bapa2 dan Guru2 Sekolah Menengah Mulong Kota Bahru, Kelantan, pada 5hb. Mei, 1971, Pukul 2.00 petang.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kaseh atas jemputan tuan2 dan puan2 kepada saya dan isteri ka-majlis perjumpaan Ahli2 Persatuan Ibu-bapa2 dan Guru2 Sekolah Menengah Mulong. Saya berasa sangat bangga kerana sambutan yang sabagini mesra telah di-berikan kepada saya. Sabenar-nya, Sekolah Menengah Mulong ia-lah sekolah pertama yang saya lawati di-Negeri Kelantan ini dan saya berasa bertuah kerana dapat melawati sekolah ini pada hari ini. Patut saya memberi tahniah kepada ibu-bapa2 dan guru2 sekolah2 Mulong kerana telah menubuhkan satu persatuan yang bertujuan untuk memberi pelajaran dan bimbingan sapenoh2-nya untuk kemajuan anak2 yang bersekolah di-daerah ini. Ibu-bapa2 dan guru2 telah memberi contoh kepada sekolah2 yang lain tentang peri mustahak-nya bagi ibu-bapa2 dan guru2 menubuhkan persatuan sapertimana yang terdapat di-sini. Tentu-lah terlebih dahulu perkara ini telah di-fikirkan dengan sedalam2-nya oleh tuan2 dan puan2 yang nampak jelas akan tujuan yang murni ini.

Saya telah faham dengan sebab2 persatuan ini di-tubuhkan. Sekolah2 yang tidak ada mempunyai persatuan ibu-bapa2 dan guru2 adalah menghadapi berbagai2 masaalah yang berkaitan dengan pelajaran. Guru2 mendapat masaalah berkenaan kelemahan murid2 mereka. Malahan setengah daripada guru2 mengatakan bahawa masaalah2 ini timbul kerana tidak ada pengelolaan yang chukup daripada ibu-bapa2. Sabalek-nya pula setengah ibu-bapa2 menyalahkan guru2 kerana tidak memahami masaalah yang di-hadapi oleh ibu-bapa2. Dengan tertuboh-nya Persatuan2 Ibu-bapa2 dan Guru2 di-sini, kedua2 pihak sama ada ibu-bapa2 atau pun guru2 dapat-lah berkerjasama dengan sa-erat2-nya dan sama2 menyelesaikan masaalah yang di-hadapi oleh kanak2 di-daerah ini. Ibu-bapa2 dan guru2 telah pun dapat menyelesaikan kesulitan dan kerumitan yang di-hadapi oleh kanak2 mereka selama ini dengan sabagitu lebeh terator dan bersefahaman. Dalam pada itu, saya yakin ibu-bapa2 dan guru2 tidak-lah menganggapkan anak2 mereka sebagai anggota yang tiada mempunyai fikiran sendiri.

Apa yang saya maksudkan itu ialah kanak2 ini tidak-lah memerlukan pertolongan semata2. Mereka itu di-beri dorongan dan bimbingan, tetapi bukan-lah sentiasa berserah kepada pertolongan.

Sebagaimana yang kita ketahui, untuk berjaya-nya sa-saorang itu, ia biasa-nya telah menghadapi rintangan2 yang boleh mendorong dan menimbulkan keazaman yang kuat. Sa-saorang yang pernah menghadapi kesulitan akan menekmati dan menghargai kejayaan dan kemewahan yang di-perolehi-nya. Kapada penuntut2, saya ingin memberi nasehat saya supaya jangan-lah semata2 berserah kepada pertolongan dengan tidak ada semangat berdikari dan keazaman.

Saya telah melihat keputusan pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia Sekolah Menengah Mulong. Nampak-nya kejayaan SRP di-dalam tahun 1970 tidak-lah sabagitu memuaskan. Tetapi keputusan

SPM bertambah baik. Di-dalam keputusan SRP kejayaan di-dalam ilmu hisab dan sains adalah sederhana tetapi keputusan kedua2 perkara ini di-dalam SPM tidaklah memuaskan. Rasa saya tidak-lah perlu saya tegaskan lagi tentang peri mustahak-nya kedua2 mata-pelajaran ini. Perengkat Bahasa Inggeris yang di-chapai oleh murid2 sekolah ini di-dalam peperiksaan SRP sangat2-lah rendah, tetapi keadaan-nya bertambah baik apakala penuntut2 mengambil peperiksaan SPM. Saya ingin memberi nasehat kepada penuntut2 sekolah ini supaya jangan menyangkakan, sungguh pun Bahasa Malaysia ada-lah bahasa resmi dan mereka itu belajar semua mata2-pelajaran di-dalam Bahasa Malaysia dan menjawab semua soalan2 di-dalam peperiksaan di-dalam Bahasa Malaysia, bahawa Pelajaran Bahasa Inggeris itu harus di-abai2kan. Samenang kita sangat2 beruntung kerana boleh menguasai lebih daripada satu bahasa. Untuk membolehkan murid2 meninggikan lagi darjah kechapaian di-dalam Bahasa Inggeris, saya menasihatkan mereka itu membiasakan juga bertutur di-dalam bahasa ini dan juga membaca buku2 Inggeris sebanyak mana yang dapat. Dari keputusan SPM, saya nampak keadaan yang lemah di-dalam mata-pelajaran Bahasa Inggeris di-kalangan penuntut2 telah pun bertambah baik. Saya berharap keadaan yang bertambah baik akan berterusan, tambah pula, guru2 dan ibu-bapa2 telah sedar tentang peri mustahak-nya kerjasama di-antara ibu-bapa2 dan guru2 untuk tujuan menbaikkan dan meninggikan lagi taraf pelajaran penuntut2 sekalian.

Mungkin ada di-kalangan kita ini yang menyangkakan kanak2 kasekolah semata2 untuk mendapatkan pelajaran dan menghadapi peperiksaan. Sungguh pun benar bahawa peperiksaan itu boleh menentukan nasib masing2 di-masa2 yang akan datang, namun demikian, tidak-lah bermaana sa-saorang penuntut itu boleh mengenyepikan tugas2-nya dan tanggung-jawab-nya terhadap masharakat masing2. Dengan ada-nya guru2 siswazah dan guru2 yang berkeelayakan di-sekolah ini dan dengan ada-nya pelajaran menengah atas yang kian bertambah ramai penuntut-nya dari satahun kesetahun, tentulah berbagai2 kegiatan masharakat telah di-jalankan.

Saya perchaya sekolah ini telah pun menubuhkan badan2 sukarela yang boleh memberi tenaga kepada masharakat dan orang ramai dengan sechara langsung. Saya kira sekolah ini bemasib baik kerana ada pelajaran menengah rendah dan menengah atas. Dengan keadaan yang sedemikian, tradisi sekolah ini boleh di-bena dan murid2 yang masok katingkatan satu mempunyai peluang untuk meneruskan pelajaran mereka ka-Tingkatan 5 di-dalam satu bangunan. Semangat dan rasa membanggakan sekolah mereka itu adalah terjalin di-hati sanubari mereka dengan sedalam2-nya. Dan dengan ini, mereka akan sanggup meninggikan lagi semangat dan tradisi sekolah ini supaya inej-nya terkenal di-seluruh negeri.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih saya sekali lagi kerana di-jemput ka-majlis yang meriah ini. Sabelum saya mengundor diri, saya mengucapkan Persatuan Ibu-bapa murid2 dan guru2 Sekolah2 Mulong dan Sekolah dan Sekolah Menengah ini maju jaya.



No. Siri .....	32
No Penerimaan .....	32 / 80